



فَرِسَاطُ اَرْضُوٰ وَنُوحٰي نَكَارٌ بِرُوْحٰي دَارُ السَّلَام

PERSATUAN ASTRONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
ASTRONOMICAL SOCIETY OF BRUNEI DARUSSALAM


e-mail: pabd@bruneiastronomy.org
<http://www.bruneiastronomy.org>

2003

[Embargo / Not For Immediate Release, 19 May 2021]

Siaran Akhbar: Peluang Saksi Gerhana Bulan Penuh dan *Supermoon* pada 26 Mei 2021

Teks & grafik disediakan oleh Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD)



Atas: Peringkat gerhana dan keadaan bulan dari Brunei Darussalam sewaktu merentasi bayangan bumi pada 26 Mei 2021.

Bandar Seri Begawan - Penduduk di negara ini akan berpeluang menyaksikan sebuah fenomena astronomi Gerhana Bulan Penuh yang jarang berlaku iaitu gerhana penuh bulan pada petang Rabu, 26 Mei 2021.

Fenomena ini adalah gerhana bulan penuh yang pertama kali berlaku di negara Brunei sejak Julai 2018.

Gerhana bulan berlaku apabila Bulan merentasi tepat di belakang Bumi dan berada dalam bayang-bayang bumi yang paling gelap iaitu Umbra. Kejadian alam semula jadi yang jarang

dan hanya berlaku apabila Matahari, Bumi dan Bulan adalah sejajar pada satu garis dengan Bumi berada tepat di tengah-tengah.

Fenomena alam ini akan turut diamati oleh sebahagian besar kawasan dunia iaitu Timur Asia, Australia, Pasifik, Amerika Utara dan Selatan.

Di negara Brunei Darussalam, bulan akan dijangka mula dicerap sejurus ia terbit dalam keadaan gerhana separa pada jam 6:23 petang. Jika keadaan cuaca tidak berawan, orang ramai boleh menyaksikan lebih sebahagian permukaan bulan purnama mula berkeadaan gelap.

Pada pukul 7:11 malam, iaitu ketika fasa Gerhana Penuh bermula, keseluruhan rupa bulan akan kelihatan kelam dan dijangka berwarna merah kerana terselindung oleh bayangan Umbra.

Julat waktu fasa gerhana penuh kali ini agak pendek iaitu selama 14 minit 30 saat kerana laluan bulan merentasi bayang bumi di penjuru sempadan umbra.

Puncak gerhana akan berlaku pada jam 7:19 malam apabila bulan berada paling dalam kawasan Umbra.

Bulan akan mula keluar dari Umbra pada pukul 7:26 malam. Secara perlahan, objek samawi ini akan mula memantulkan cahaya matahari dengan sebahagian permukaan bulan masih berkeadaan gelap.

Kejadian gerhana kali ini juga sangat menarik kerana bulan akan berada lebih dekat (perigee) dengan bumi iaitu dikenali sebagai Supermoon atau Bulan Penuh Perigee. Ia merupakan gerhana bulan penuh di saat purnama yang paling besar pada tahun ini. Pada jarak paling dekat iaitu sejauh 357,500 km, purnama yang dalam keadaan gerhana akan kelihatan lebih besar berbanding bulan-bulan penuh yang lain.

Gerhana dijangka berakhir apabila keseluruhan bulan keluar dari bayang bumi (Umbra) pada pukul 8.52 malam. Pada waktu yang sama, purnama akan kelihatan mula bersinar terang seperti pada kebiasaannya.

Gerhana bulan adalah selamat untuk dilihat dengan mata kasar. Tempat yang sesuai untuk mencerap fenomena ini adalah di kawasan yang ufuk sebelah timur yang tidak terhalang kerana kedudukan bulan adalah sangat rendah di langit timur dari negara ini.

Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kelab Astronomi Kolej IGS akan mengadakan Cerapan Gerhana Bulan Penuh dan Supermoon pada petang Hari Rabu, 26 Mei 2021, bertempat di Pekan Bangar (di hadapan Kompleks Perniagaan Bumiputra), Daerah Temburong, bermula jam 5.00 petang hingga 9.30 malam. Beberapa buah teleskop dan binokular akan disediakan oleh penganjur untuk kemudahan orang ramai mencerap fenomena tersebut dan masuk adalah percuma.

Di dalam Islam, fenomena gerhana merupakan salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu wata'ala. Ketika berlakunya gerhana, Islam menganjurkan umatnya untuk melaksanakan solat gerhana dan memperbanyak zikir dan doa kepada Allah Subhanahu wata'ala.

Fenomena gerhana bulan yang akan datang yang boleh di saksikan dari negara ini adalah pada 19 November 2021, namun ia adalah hanya gerhana separa.



فَسَاتِحُ الْأَسْرَارِ وَنُوحِيَّةُ الْمَكَارِ بِرَوْحِيِّ دَارِ السَّلَامِ

PERSATUAN ASTRONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
ASTRONOMICAL SOCIETY OF BRUNEI DARUSSALAM


e-mail: pabd@bruneiastronomy.org
<http://www.bruneiastronomy.org>

2003

[Embargo / Not For Immediate Release, 19 May 2021]

Press Release: Total Lunar Eclipse & Supermoon on May 26, 2021

Text and Graphic by the Astronomical Society of Brunei Darussalam (PABD)



Above: Phases of the eclipse and local lunar circumstances as the Moon passes the Earth's shadow on May 26, 2021, from Brunei Darussalam.

Bandar Seri Begawan - People in this country will have a rare opportunity to watch an astronomical phenomenon, a total lunar eclipse, on the evening of Wednesday, May 26, 2021.

It will be the first total lunar eclipse since the July 2018 total eclipse in Brunei.

A Lunar eclipse occurs when the Moon passes directly behind the Earth and being in the Earth's dark shadow known as Umbra. Such occurrence is rare when the Sun, Earth and Moon are exactly aligned with the Earth being precisely in the middle.

This phenomenon is also observed by many regions around the globe such as east Asia, Australia, Pacific, North and South America.

In Brunei, the lunar eclipse will be first observed after the moon rise at 6:23 pm. If the evening sky is clear, eclipse watchers will see the full moon is already partially obscured by the Earth's shadows.

At 7:11 pm, it will be a very spectacular sight as the entire moon will pass through the dark earth's shadow known as the Umbra. During totality, eclipse observers will notice the full moon to completely darken and likely will turn to coppery red colour.

Totality's duration will last for only 14 minutes and 30 seconds when the moon leaves the Umbra at 7.26 pm. The briefest sight of totality is due to the moon passing remarkably close to outer rim of the umbral shadow.

The eclipse also coincides when the Moon gets closer (perigee) to the Earth during its orbit, a phenomenon nicknamed as Supermoon. It is the total eclipse of the biggest full moon of the year. At closest distance of 357,500 km, this spectacular event will cause the perigean eclipsed moon to appear larger-than-usual Moon in the night sky.

The partial eclipse ends at 8.52 pm, and sunlight will gradually reach the Moon's surface as the Earth's umbra will leave the Moon. By then, the full moon is expected to return to its normal brilliance.

Unlike solar eclipses, lunar eclipse is completely safe to watch with the naked eyes. As the elevation of the moon will be rather low during the eclipse, the event will be best observed from this country at places with an unobstructed view to the horizon in the east.

The Astronomical Society of Brunei Darussalam (PABD) in collaboration with Temburong District Office, Ministry of Home Affairs, and Astronomy Club of IGS College will organise a Total Lunar Eclipse and Supermoon observation for the public from 5 pm until 9.30 pm, on Wednesday, May 26, 2021 at Pekan Bangar (in front of Kompleks Perniagaan Bumiputra), Temburong. Telescope viewing is available for members of the public to gaze at the phenomena, and admission is free of charge.

Upcoming lunar eclipse will occur in this country on 19 November 2021, but it will be a partial eclipse.

-END-